



Ruj Tuan :  
Ruj Kami : ( 14 ) KKM-163/L/1/Jld 2  
Tarikh : 5 November 2008

Mr. Khoo Cheng Seang  
Managing Director  
Consolidated Laboratory (M) Sdn. Bhd.  
No. 2-3, Bedford Business Park  
Jalan 3/137B, Batu 5, Jalan Kelang Lama  
58000 Kuala Lumpur

Tuan,

#### **PERKHIDMATAN ANALISIS MELAMIN DALAM MAKANAN**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan pihak tuan untuk menawarkan khidmat analisis melamin dalam makanan. Sukacita dimaklumkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersetuju supaya pihak tuan turut memberi bantuan kerjasama dari segi khidmat analisis dalam usaha negara ini menangani isu melamin dalam makanan khususnya dari segi eksport.

3. Pengiktirafan KKM kepada makmal tuan adalah tertakluk kepada makmal tuan memperolehi akreditasi ISO 17025 untuk skop analisis melamin dalam makanan melalui kaedah LC-MS/MS dalam tempoh masa ENAM bulan setelah analisis melamin diberikan. Di samping itu, pihak tuan dikehendaki mengemukakan laporan bulanan kepada KKM berhubung butiran sampel makanan yang dianalisis. Kegagalan pihak tuan mematuhi syarat atau sekiranya KKM tidak berpuas hati dengan prestasi analisis makmal tuan, KKM berhak untuk menarik balik pengiktirafan ini. Lawatan audit ke makmal tuan oleh KKM akan dibuat dari semasa ke semasa.

4. Sehubungan itu sukacita sekiranya dapat pihak tuan memberikan maklumat bertubung protokol analisis melamin yang digunakan, senarai peralatan utama makmal tuan dan senarai juruanalisis utama beserta pengalaman dalam analisis makanan. Keputusan analisis melamin makmal tuan akan diktiraf oleh KKM untuk pengeluaran Sijil Kepatuhan Paras Melamin sekiranya syarat-syarat yang ditetapkan adalah dipatuhi.

5. Surat pengiktirafan sementara akan dikeluarkan oleh KKM untuk makmal tuan memulakan khidmat analisis melamin bagi tujuan untuk pengeluaran Saji Kepatuhan Paras Melamin.

Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam hal ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.



**( NORAINI BINTI DATO' MOHD OTHMAN )**

Pengarah

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Menteri Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Penolong Pengarah Kanan (Seksyen Makmal)  
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia